

Pustaka UMS simpan 140,000 bahan bacaan

KOTA KINABALU: Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyimpan kira-kira 140,000 bahan bacaan termasuk berbentuk elektronik dalam pelbagai bidang untuk menampung keperluan pelajar di universiti itu.

Daripada jumlah itu, sebanyak 5,000 unit adalah bahan multimedia termasuk cakera padat dan kaset video manakala 6,000 naskhah jurnal berjilid dan 350 jurnal semasa.

Selain itu, terdapat juga 18 unit langganan pangkalan data elektro-

nik yang mempunyai kira-kira 20,000 maklumat, di samping bahan bacaan seperti buku dan tesis yang berjumlah kira-kira 109,350 bahan.

Ketua Pustakawan UMS, Che Salmah Che Mahmood, berkata kira-kira 15,000 bahan bacaan ditambah setiap tahun selaras dengan pertambahan pelajar serta bilangan kursus yang ditawarkan.

Beliau berkata, perkhidmatan perpustakaan di UMS menggunakan sistem berkomputer sepenuhnya bagi memudahkan pelajar men-

cari bahan rujukan yang dikehendaki.

Katanya, lebih 3,000 buku digunakan oleh pelajar sebagai bahan rujukan di perpustakaan itu setiap hari, menunjukkan perkhidmatannya masih diperlukan walaupun maklumat juga boleh diperoleh melalui internet.

"Peranan perpustakaan tetap relevan, malah ia akan terus berkembang sebagai gedung ilmu sejajar dengan perkembangan dunia semasa terutama zaman teknologi

maklumat dan komunikasi (ICT) sekarang.

"Maklumat yang diperoleh dari internet kadang-kala tidak tepat kerana ia mudah diubah terutama oleh pakar komputer yang mahir mengubahsuai maklumat yang disalurkan kepada orang ramai," katanya.

Bagaimanapun, Che Salmah berkata, bilangan buku yang dipinjam dari perpustakaan UMS berkurangan kerana pelajar lebih gemar membuat rujukan dan membaca buku di perpustakaan.